

DATE : 25 October 2012
PUBLICATION : Utusan Malaysia
SECTION : Bisnes
HEADLINE : Agihan pendapatan AHB 3.25 sen seunit



NOR Azamin Salleh (kiri) dan Kamalul Arifin Othman mengumumkan agihan pendapatan AHB di Menara Maybank, Kuala Lumpur, semalam.

Agihan pendapatan AHB 3.25 sen seunit

KUALA LUMPUR 24 Okt. - Pela-buran Hartanah Bhd. (PHB) meng-isyiharkan agihan pendapatan interim 3.25 sen seunit yang akan melibatkan anggaran pembayaran berjumlah RM31 juta kepada pemegang-pemegang unit Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) untuk kali kedua berakhir 30 September 2012.

Menurut anak syarikat Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera

(YAHB) dan Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (Maybank AM), kadar itu bersamaan dengan 6.50 peratus kadar pulangan tahunan apabila ditanda aras terhadap pendapatan 12 bulan Akaun-i Pelaburan Am, Maybank Islamic Bhd.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank AM, Nor Azamin Salleh berkata, agihan pendapatan AHB dibuat pada setiap enam bulan bagi tempoh ber-

akhir 31 Mac dan 30 September setiap tahun.

Hadir sama Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif PHB, Datuk Kamalul Arifin Othman.

Kamalul Arifin juga mengumumkan penambahan saiz dana sebanyak 500 juta unit menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak 1.5 bilion unit, bersamaan dengan RM1.5 bilion yang boleh dilanggani mulai hari ini.